



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAMSHAH,
JALAN P. RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (03)
Tarikh : 13 Ogos 2020

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Seluruh Negeri Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 3/ 2020 : PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID/ SURAU

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-39 Bil. 4/2020 bertarikh 17 Julai 2020 memandang berat ketidakpatuhan pihak Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau terhadap Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak khususnya tidak mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan juga Mesyuarat Tahunan serta tidak menghantar salinan Minit Mesyuarat kepada Majlis Islam Sarawak khususnya melibatkan klausa-klausa seperti berikut :

7. TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA

- 7.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** bulan sekali atau lebih mengikut keperluan dan dikira sah dengan kehadiran tidak kurang daripada **DUA PERTIGA (2/3)** ahli yang dilantik, tidak termasuk Juru Audit Dalam. Salinan minit mesyuarat berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Islam Sarawak dalam tempoh 30 hari selepas mesyuarat.

8. MESYUARAT TAHUNAN

- 8.1 Mesyuarat Tahunan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **SATU (1)** tahun sekali bersama ahli kariah.
- 8.2 Tujuan mesyuarat ini adalah untuk:
- i. Membentangkan laporan kegiatan;
 - ii. Melaporkan kedudukan kewangan semasa; dan
 - iii. Menerima cadangan dan mengadakan perbincangan dengan ahli kariah.
- 8.3 Salinan Minit Mesyuarat serta laporan hendaklah dihantar kepada Majlis Islam Sarawak.

3. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-39 Bil. 4/2020 telah memutuskan supaya semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau seluruh Negeri Sarawak mengemukakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan juga Minit Mesyuarat Tahunan kepada Majlis Islam Sarawak selewat-lewatnya dalam tempoh **30 HARI** selepas mesyuarat diadakan.

4. Sehubungan itu juga, semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau seluruh Negeri Sarawak adalah diarahkan untuk melaksanakan tindakan-tindakan berikut :-


- a) Mengimbas (*scan*) lampiran Minit Mesyuarat serta dokumen berkaitan dalam format PDF atau imej (JPEG/PNG); dan
- b) Mengemukakan laporan mesyuarat secara talian melalui ***kiswa.sarawak.gov.my*** di bawah Modul Pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan & Mesyuarat Tahunan Masjid/ Surau.

4. Arahan ini hendaklah **berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2020**.

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak